



Dr Mahathir menyampaikan trofi Piala Cabaran Perdana Menteri kepada ketua pasukan dari Australia pada majlis penutup Kejohanan Regatta Antarabangsa Diraja Langkawi 2020 di Langkawi, kelmarin.

Isu klip audio babitkan Najib

'Tindakan Latheefa tak salah'

PM samakan kaedah serbuan ke kediaman Najib di Pavillion Residence

Oleh Siti Nur Mas Erah Amran
maserah.amran@bh.com.my

Langkawi: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan pendedahan rakaman perbualan yang didakwa konspirasi jenayah peringkat tertinggi oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM), Latheefa Koya, sebagai bukan perbuatan salah.

Tindakan Latheefa itu menyamai kaedah pihak berkuasa yang melakukan serbuan ke kediaman peribadi bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Pavillion Residence pada Mei 2018.

"Dahulu kita sudah buat apabila kita serbu Pavillion Residence, kita dapati barang yang banyak dimiliki Najib dan Datin Seri Rosmah Mansor.

"Kita tunjuk kepada orang ramai, kita tidak sembunyi sehingga ada perbicaraan.

"Ini (pendedahan rakaman) sama juga, tidak ada beza," katanya selepas menghadiri Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Kejohanan Regatta Antarabangsa

Dahulu kita sudah buat apabila kita serbu Pavillion Residence, kita dapati barang yang banyak dimiliki Najib dan Datin Seri Rosmah Mansor. Kita tunjuk kepada orang ramai.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

Diraja Langkawi (RLIR) 2020 di Kelab Kapal Layar Diraja Langkawi, di sini, malam kelmarin.

Rabu lalu, SPRM mendedahkan sembilan set rakaman perbualan yang didakwa konspirasi jenayah peringkat tertinggi dan hasil siasatan agensi itu mendapati ia tulen setakat ini.

Klip audio berkenaan didakwa membabitkan perbualan antara Najib bersama berapa individu berhubung kes skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan SRC International Sdn Bhd.

Ditanya adakah pendedahan SPRM itu boleh dianggap sebagai tidak beretika, Dr Mahathir menjawab ringkas:

"Apa yang tidak beretika itu?"

BH - 13/11/2020 mlk: 2